

INTEGRASI TANAMAN NANAS BANTU PEKEBUN KECIL

Kebanyakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pertanian yang dilakukan oleh kerajaan bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan dan membantu melonjakkan taraf kehidupan peneroka, pekebun kecil dan pengusaha ladang.

MOHD. RIDWAN

28 Pada Januari lalu, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil dan Perusahaan Getah (RISDA) memperkenalkan projek Integrasi Tanaman Nanas jenis MD2.

Projek hasil kerjasama antara RISDA dengan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) itu menggunakan kaedah penanaman nanas secara integrasi bersama-sama pokok getah dan kelapa sawit. Begitu pun, projek ini memberikan keutamaan kepada pekebun kecil, terutama mereka yang baru memulakan penanaman semula.

Menurut RISDA, menerusi projek ini, kebanyakan pekebun getah yang menunggu pokok getah baharu matang akan dibekalkan dengan pokok nanas yang mampu

mengeluarkan hasil dalam tempoh 15 bulan. Hal ini bermaksud bahawa sementara mereka menunggu hasil getah, mereka dapat menambahkan pendapatan lain menerusi penanaman nanas.

Khabar gembira untuk pekebun getah ini dimeterai menerusi memorandum persefahaman (MoU) antara RISDA dengan LPNM di Pejabat RISDA Johor dengan disaksikan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Dalam majlis tersebut, RISDA diwakili Ketua Pengarahnya, Mohd. Najib A. Samad, manakala LPNM diwakili Ketua Pengarahnya, Sahdan Salim.

Menurut Datuk Seri Ismail, nanas yang digunakan dalam projek ini berasal dari Hawaii dan mempunyai banyak keistimewaan. Antaranya termasuklah tahan lasak dan tidak mudah rosak, selain rasanya lebih manis berbanding dengan nanas biasa.

"Nanas MD2 juga mengandungi empat kali vitamin C berbanding dengan nanas biasa. Harga pasaran nanas MD2 mencecah RM3.50 sekilogram, dan pekebun kecil dijangka akan dapat memperoleh pendapatan purata sebanyak RM6000 sehektar untuk sekali tuaian," katanya dalam sidang akhbar pada 18 Januari lalu.

Menerusi projek ini, LPNM akan membekalkan 10 ribu sulur nanas untuk kadar keluasan minimum satu hingga enam hektar dengan nilai bantuan setiap peserta sebanyak RM1.50 untuk setiap anak pokok. Sementara itu, RISDA pula berperanan menyediakan peserta di bawah skop Tanam Semula Getah atau Sawit Integrasi dengan kadar bantuan sebanyak RM9320 setiap hektar bagi tanam semula dan RM7000 sehektar bagi tanaman kelapa sawit atau bantuan lain yang berkaitan.

Yang menariknya, menerusi projek ini, mereka yang terpilih ialah kelompok yang berpendapatan di bawah RM3000 sebulan. Penetapan ini bertujuan untuk memastikan hanya pekebun kecil yang benar-benar layak menyertai projek tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana matlamat RISDA dan LPNM adalah untuk membantu pekebun kecil yang berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan mereka.

Umum mengetahui bahawa pekebun kecil, khususnya pekebun getah, yang melakukan penanaman semula akan berhadapan dengan masalah pendapatan kerana terpaksa menunggu pokok getah matang sebelum dapat mengeluarkan hasil. Oleh itu, dalam tempoh tersebut, pekebun getah yang menyertai projek ini akan dapat menajankan pendapatan sampingan yang sedikit banyak mengurangkan penggantungan pekebun kecil pada hasil getah semata-mata.

Sebagai permulaan projek ini, sebanyak 50 orang peneroka dari Johor akan menyertai program tersebut yang melibatkan kawasan kira-kira 80 hektar sebelum diteruskan di negeri yang lain. Sebenarnya, projek integrasi nanas dengan tanaman kelapa sawit dan getah telah bermula di Johor pada April 2016 menerusi RISDA Johor dan LPNM. Begitu pun, projek percubaan ini hanya melibatkan 25 orang peserta.

Bermula tahun 2017, projek integrasi ini diluaskan lagi dengan melibatkan kawasan tanaman integrasi seluas 39 hektar yang melibatkan 12 orang peserta dari Pontian, tujuh orang dari Mersing, empat orang dari Batu Pahat dan dua orang dari Muar.

Untuk menjayakan projek ini, RISDA diberi tanggungjawab mengurus peserta, manakala LPNM mengurus dana dan input dengan kadar bantuan sebanyak

Kultivar	Nanas MD2
Kumpulan	: Hibrid
Pembiakan	: Sulur
Berat Buah	: 1.2 - 2.5 kg
Bentuk Buah	: Silinder
Warna Kulit	: Hijau Terang
Jumlah Mata	: 120 - 160 mata
Lebar Empulur	: 21.8 cm - 2.2 cm
Warna Isi	: Kuning Keemasan
Kandungan Gula	: 12 - 19 peratus Brix
Sitrik	: 0.05 - 0.3 peratus
Kegunaan	: Segar

Nanas jenis MD2 antara baka nanas yang terbaik dan memberikan hasil pengeluaran yang tinggi.

RM1500 untuk satu ekar (0.4 hektar). Menurut LPNM, sebelum MoU dimeterai, peserta dibekalkan semua jenis benih, seperti Josapine, Moris dan Gandul. Selepas MoU tersebut ditandatangani, LPNM hanya memberikan fokus kepada nanas jenis MD2.

Sejak tahun 2005 hingga tahun 2016, sebanyak 162 orang pekebun kecil dari seluruh negara menerima bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dengan Johor menyaksikan penerima paling banyak, iaitu 40 orang, diikuti Kelantan (39 orang), Pahang (31 orang) Kedah dan Sabah masing-masing (11 orang), Sarawak (10 orang), Terengganu (lapan orang), dan Perak dan Negeri Sembilan enam orang.

Selain itu, sebanyak RM27 juta turut diperuntukkan pada tahun ini untuk mewujudkan program yang dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil, termasuk program AET, yang menumpukan perhatian kepada perusahaan madu kelulut, cendawan tiram, dan penanaman nanas serta pisang.

RISDA turut memperuntukkan RM724.6 juta untuk Bantuan Langsung Kerajaan (BLK) dan Kumpulan Wang RISDA (KWR). Daripada jumlah itu, sebanyak RM558.8 juta diperuntukkan bagi BLK, melibatkan RM358.8 juta untuk pembangunan, manakala RM200 juta untuk pengurusan. Sejumlah RM165.8 juta pula untuk KWR yang melibatkan RM68 juta (pembangunan) dan RM97.8 juta (pengurusan).

Diharapkan pada tahun 2017, sektor pertanian negara akan menyaksikan peningkatan pengeluaran dan pendapatan negara, sekali gus meningkatkan jumlah pendapatan pekebun kecil. Pada masa akan datang, mungkin tanaman integrasi wajar diperkenalkan bukan sahaja untuk pekebun getah dan sawit, tetapi pekebun lain di seluruh Malaysia. Pertanian terbukti mampu meningkatkan ekonomi negara. Oleh itu, setiap peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan pasti bermanfaat jika pelaksanaannya mencapai matlamat. 

